

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
1 ¼ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____

SET 2

----- NAMA SEKOLAH -----

MODUL STRATEGI A+ PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2025

Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda ingin menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

- 1** Maklumat berikut berkaitan pekerja di sebuah Firma Koh & Siong.

Cik Cyntia adalah seorang juruaudit

Apakah bidang tugas beliau?

- A** Memberikan maklumat perakaunan kepada pihak pengurusan.
- B** Merancang dan menyediakan penyata cukai bagi pihak syarikat.
- C** Menyediakan pelaporan perakaunan dalam bentuk Penyata Kewangan.
- D** Menyemak dokumen perniagaan dan mengesahkan ketepatan rekod perakaunan.

- 2** Maklumat berkaitan dengan ciri kualitatif Penyata Kewangan.

Maklumat dalam Penyata Kewangan mestilah mencerminkan keadaan sebenar, jujur dan tepat.

Apakah ciri yang tepat?

- A** Pemasaan.
- B** Kerelevanan.
- C** Kebolehsahan.
- D** Perwakilan benar.

- 3** Maklumat berkaitan tentang Shah Zufar Enterprise.

Pemilik Shah Zufar telah merekod kenderaan miliknya yang dibawa masuk ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan.

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi?

- A** Ketekalan.
- B** Prinsip kos.
- C** Entiti berasingan.
- D** Usaha berterusan.

4 Antara yang berikut, item yang manakah menambahkan kos belian?

- I Angkutan masuk
- II Upah atas belian
- III Angkutan keluar
- IV Pulangan belian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Maklumat berikut diperoleh daripada Abqari Enterprise.

Perniagaan telah menerima cek bernilai RM5 050 daripada Kedai Solehah bagi menyelesaikan hutangnya berjumlah RM5 500.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Bank	Akaun Belum Terima	Untung Bersih
A	RM5 050	(RM5 500)	(RM450)
B	(RM5 050)	RM5 500	RM450
C	RM5 000	(RM5 050)	(RM450)
D	(RM5 000)	RM5 050	RM450

6 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Zakuan

Menghantar dokumen kepada pelanggan atas pulangan botol kosong RM320

Apakah dokumen tersebut?

- A Invois
- B Nota Kredit
- C Baucer pembayaran
- D Nota Debit

- 7 Pilih urusanniaga yang direkod dalam Jurnal Am
- I. Ambilan barang niaga RM680 untuk kegunaan keluarga
 - II. Pulangan masuk barang niaga RM900 oleh pelanggan
 - III. Membayar sewa kedai RM1 300 dengan wang peribadi
 - IV. Menghapuskan RM1 760 Sebagai hutang lapuk
- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 8 Buku Tunai Runcit berikut diperolehi daripada Perniagaan Naidu

Tarikh	Butir	Fol	Debit RM	Kredit RM	Analisis pembayaran	
					Pos RM	Belanja Pejabat RM
2024						
Mac 1	Bank		200			
5	Bungkusan pos			15	15	
7	Belanja pembersihan			100		100
			200	115	15	100
31	Baki h/b			85		
			200	200		

Berapakah nilai rekupmen diterima daripada juruwang pada bulan April 2024?

- A RM200
- B RM85
- C RM115
- D RM315

9 Akaun Nyata ialah akaun yang merekodkan semua _____ perniagaan

- A Aset
- B Hasil
- C Liabiliti
- D Belanja

10 Urus niaga berikut diambil daripada perniagaan Shafiq yang menjalankan perniagaan menjual perabot

Mengambil sebuah meja pejabat RM1 250 untuk kegunaan pejabat

Apakah akaun yang akan didebitkan?

- A Akaun Ambilan
- B Akaun Inventori
- C Akaun Modal
- D Akaun Perabot

11 Akaun berikut diperoleh daripada buku perniagaan Alesya Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar

2025	RM	2025	RM
Jun 30 Pulangan belian	640	Jun 1 Baki b/b	910
Baki h/b	X	30 Belian	23 200

Berapakah nilai **X** pada 30 Jun 2025, jika Alesya Enterprise membayar kepada pembekal dengan cek RM19 400 setelah menerima diskaun RM600?

- A RM3 470
- B RM4 070
- C RM4 110
- D RM4 670

- 12 Petikan imbalan duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Klinik Alea.

Imbalan Duga Pada 31 Mei 2025

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Gaji	5 600	
Alatan pejabat	10 100	
P	13 270	
Q		7 400
Jualan		89 900

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Belian	Insurans
B	Diskaun diterima	Diskaun diterima
C	Alatan pejabat	Hutang lapuk
D	Perabot	Pulangan belian

- 13 Tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan adalah untuk mengetahui

- A** untung atau rugi kasar perniagaan
- B** untung atau rugi bersih perniagaan
- C** jumlah aset dan liabiliti perniagaan
- D** jumlah hasil dan belanja perniagaan

- 14 Berikut adalah maklumat berkaitan dengan tatacara menutup akaun.

- I Utiliti direkod ke Akaun Perdagangan
- II Jualan direkod ke Akaun Perdagangan
- III Sewa direkod ke Akaun Untung Rugi
- IV Belian direkodkan ke Akaun Untung Rugi

- A** I dan III
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** II dan IV

- 15 Padanan manakah yang betul untuk merekod hutang lapuk terpulih?

	Debit	Kredit
A	Bank	Akaun Belum Terima
B	Bank	Hutang lapuk terpulih
C	Hutang lapuk terpulih	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Hutang lapuk terpulih

- 16 Pada 1 Julai 2023, sebuah mesin telah dibeli oleh Twinkle Enterprise pada harga RM12 000. Mesin itu disusut nilaikan sebanyak 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai mesin yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025?

- A RM1 080
 B RM1 200
 C RM2 280
 D RM2 400
- 17 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Butik Pakaian Fila.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025

	RM	RM
Lengkapan	12 500	
Susut nilai terkumpul lengkapan		4 500

Maklumat tambahan:

- i) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 ii) Pada 30 Jun 2025, lengkapan tersebut telah dijual dengan harga RM6 000.

Berapakah untung atau rugi pelupusan lengkapan tersebut?

- A Untung pelupusan lengkapan RM400
 B Rugi pelupusan lengkapan RM400
 C Untung pelupusan lengkapan RM500
 D Rugi pelupusan lengkapan RM500

- 18** Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kesilapan dalam Imbangan Duga.

Belian sebanyak RM4 200 daripada Shaza telah direkod dalam Akaun Shazi.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A** Kesilapan prinsip
 - B** Kesilapan komisen
 - C** Kesilapan songsang
 - D** Kesilapan saling mengimbangi
- 19** Untung bersih Perniagaan Imani bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 ialah RM10 200. Kesilapan berikut ditemui selepas untung bersih tersebut dihitung.

Bayaran bagi belanja memperbaiki alatan pejabat RM800 telah direkodkan betul dalam Akaun Bank tetapi tersalah rekod dalam Akaun Alatan Pejabat.

Berapakah untung bersih yang baharu?

- A** RM8 600
 - B** RM9 400
 - C** RM11 000
 - D** RM11 800
- 20** Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Kek Caramel.

	RM
Untung kasar	11 500
Belanja perniagaan	5 100
Margin untung bersih	25%

Berapakah jualan bersih?

- A** RM20 400
- B** RM25 600
- C** RM46 000
- D** RM66 400

21 Di manakah komisen diterima dicatat?

	Catatan penutup	Komponen
A	Akaun Untung Rugi	Hasil
B	Akaun Untung Rugi	Belanja
C	Akaun Perdagangan	Kos Jualan
D	Akaun Perdagangan	Jualan Bersih

22 Butiran apakah yang perlu dicampurkan dengan modal akhir untuk mendapatkan untung bersih?

- A Belanja
- B Ambilan
- C Modal awal
- D Modal tambahan

23 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Reza.

	RM
Inventori awal	350
Belian	32 680
Pulangan Belian	960

Maklumat Tambahan:

Reza mengambil barang niaga bernilai RM600 untuk kegunaan sendiri

Berapakah jumlah belian bersih Kedai Reza?

- A RM31 120
- B RM31 720
- C RM31 110
- D RM31 470

24 Apakah kaedah kawalan tunai yang digunakan dalam perniagaan?

- A Akaun Untung Rugi
- B Akaun Perdagangan
- C Penyata Penyesuaian Bank
- D Penyata Kedudukan Kewangan

25 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Bersatu Indah Sdn Bhd.

	RM
Baki Buku Tunai(Overdraf)	25 600
Cek Belum dikemukakan	2 480
Deposit belum dikreditkan	1 670

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- A RM24 790
- B (RM24 790)
- C RM26 410
- D (RM26 410)

26 Apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Murugan untuk mengatasi kekurangan dalam Belanjawan Tunai?

- A Membayar semua liabiliti
- B Meningkatkan belian perniagaan
- C Meningkatkan jualan perniagaan
- D Membeli lebih banyak aset bukan semasa

27 Antara berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang Akaun Semasa Pekongsi?

- A Tuntutan pekongsi terhadap perkongsian ditunjukkan di bahagian debit Akaun Semasa
- B Tuntutan pekongsi terhadap perkongsian ditunjukkan di bahagian kredit Akaun Semasa
- C Tuntutan perkongsian terhadap pekongsi ditunjukkan di bahagian kredit Akaun Semasa
- D Tuntutan perkongsian terhadap pekongsi ditunjukkan di bahagian debit dan kredit Akaun Semasa

- 28 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian ChinTa yang menetapkan nisbah pembahagian untung rugi antara Chin dan Tasha mengikut nisbah 3:2

	RM
Untung bersih	18 000
Faedah atas ambilan	2 800
Faedah atas modal	4 500
Faedah atas pinjaman	5 200

Berapakah jumlah kongsi untung yang diterima oleh Chin dan Tasha?

- A RM6 520
 B RM9 780
 C RM11 100
 D RM16 300
- 29 Baki akaun modal dan akaun semasa Perniagaan R&T pada 1 April 2024 adalah seperti berikut:

	Akaun Modal (RM)	Akaun Semasa (RM)
Pekongsi Razif	50 000	7 850 (debit)
Pekongsi Tan	30 000	3 330

Maklumat tambahan:

Faedah atas modal ialah 10% setahun.

Berapakah jumlah ekuiti pemilik Perniagaan R&T?

- A RM75 480
 B RM76 520
 C RM83 480
 D RM84 520

- 30** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Lim dan Rakan-rakan.

	RM
Jumlah aset	30 800
Jumlah liabiliti	4 850

Semasa pembubaran, semua aset direalis pada harga RM25 500. Belanja realisasi RM850 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Berapakah rugi realisasi?

- A** RM1 300
 - B** RM6 150
 - C** RM26 350
 - D** RM50 600
- 31** Pernyataan manakah yang menerangkan ciri syer biasa?
- A** Boleh menerima dividen tertunggak
 - B** Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
 - C** Tuntutan ke atas aset didahulukan jika berlaku pembubaran
 - D** Pemegang syer tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung
- 32** Apakah jenis modal yang dicatat di bahagian ekuiti pemilik sesebuah syarikat berhad?
- I** Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Keutamaan
 - II** Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa
 - III** Modal Diterbitkan Syer Keutamaan
 - IV** Modal Diterbitkan Syer Biasa
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

33 Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Star Vision Berhad pada 1 Januari 2024:

Modal pada 1 Januari 2024	RM
250 000 unit 8% Syer Keutamaan	500 000
400 000 unit Syer Biasa	400 000

Lembaga pengarah syarikat telah membayar dividen interim untuk Syer Keutamaan dan 4% untuk Syer Biasa pada 1 Julai 2024.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, lembaga pengarah Syarikat Star Vision telah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 6% dividen akhir kepada pemegang Syer Biasa.

Hitung dividen interim dan dividen akhir Syer Keutamaan.

	Dividen Interim	Dividen Akhir
A	RM16 000	RM24 000
B	RM8 000	RM12 000
C	RM40 000	RM40 000
D	RM20 000	RM20 000

- 34 Akaun Penerimaan dan Pembayaran di bawah diperoleh daripada Kelab Renang Seri Austin bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM		RM
Baki b/b	21 100		
Penerimaan		Pembayaran	
Yuran ahli	10 800	Alatan pejabat	6 500
Sewa laci	1 300	Insurans	1 200
X	10 200	Y	
		Surat khabar	200
		Belanja am	880
		Baki h/b	34 620
	43 400		43 400
Baki b/b	34 620		

X dan **Y** mungkin sekali ialah

	X	Y
A	Sewa kolam	Honararium
B	Penyelenggaraan kolam	Bayaran masuk
C	Kadar bayaran	Sewa kolam
D	Derma	Yuran pendaftaran

- 35 Berikut ialah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Mardhiah

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot	12 500	
Susut nilai terkumpul perabot		2 500

Perabot disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 31 Disember 2024, perabot telah dijual sebanyak RM8 700 dan dibayar dengan tunai.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan perabot tersebut?

- A Untung pelupusan perabot RM1 300
 - B Untung pelupusan perabot RM700
 - C Rugi pelupusan perabot RM1 300
 - D Rugi pelupusan perabot RM700
- 36 Maklumat berikut adalah berkaitan yuran Kelab Memanah Juara bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

	RM
Yuran 2023	45
Yuran 2024	1 370
Yuran 2025	60

Maklumat tambahan :

- i. Pada 1 Januari 2024 yuran belum terima RM 45
- ii. Yuran tahun 2024 yang belum terima RM 25

Berapakah yuran yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM 1 395
- B RM 1 435
- C RM 1 465
- D RM 1 555

37 Manakah butir yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sesebuah kelab?

- A** Yuran ahli
- B** Belian alat tulis
- C** Susut nilai perabot
- D** Derma membina gelanggang

38 Antara berikut, yang manakah merupakan butiran Kos Overhead?

- A** Loji dan alatan kilang
- B** Susut nilai alatan kecil
- C** Sewa bangunan pejabat
- D** Gaji operator pengeluaran

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Pakaian Megah.

	RM
Kerja dalam proses awal	19 500
Kos bahan langsung	183 625
Kos buruh langsung	65 000
Belanja langsung	12 750
Kos Overhead	38 900
Kerja dalam proses akhir	21 000

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A** RM 298 775
- B** RM 300 275
- C** RM 301 775
- D** RM 340 775

- 40** Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Berjaya yang mengeluarkan kasut jenama Berjaya.

	RM
Kos tetap	24 000
Kos berubah seunit	12
Harga jualan seunit	18

Berapakah bilangan kasut yang perlu dikeluarkan oleh kilang tersebut jika sasaran untungnya ialah RM 3 000?

- A** 1 500 unit
- B** 2 250 unit
- C** 4 000 unit
- D** 4 500 unit

KERTAS SOALAN TAMAT